

KARYA VARSITI

Merdeka, Satu Malaysia!

Anugerah dalam perpaduan
Pemangkin pembina kejayaan
Gilapkan satu persatu
Agar bangkit bangsa yang maju

Kedaulatan Raja tunjang utama
Dalam membina negara berjenama
Kepimpinan melalui teladan
Jangan dibiar ada sempadan

Pelbagai kaum etnik dan budaya
Berbeza agama

bukan kendala
Bersatu hati berjiwa merdeka
Membentuk satu suara semangat
Dalam melahirkan bangsa berdaulat

Bangsa yang maju pandanglah ke hadapan
Yang lemah dibantu jangan pernah disingkirkan
Ketokohan anak bangsa jangan disimpan
Agar wujud bangsa Malaysia yang mapan

Asas ekonomi yang maju dan mantap
Kukuh dan teguh tak mudah direntap

Alam sekitar tanggungjawab bersama Mendidik bangsa minda kelas pertama

Ayuhlah bangun semua bangsa Kita adalah Satu Malaysia!

Nukilan:
Miza Radzi
UPM

KARYA VARSITI

Penuntut institusi pengajian tinggi dijemput menghantar sajak untuk disiarkan di halaman Karya Varsiti di alamat Karya Varsiti, Unit Pendidikan Berita Harian, Anjung Liku NSTP, Tingkat 4, No 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke bhvarsiti@bharian.com.my.